



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

PENGUMUMAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN  
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

# STPM 2023

*Disempurnakan Oleh:*

**YBhg. Prof. Dato' Gs. Ts. Dr.  
Mohd Ekhwan bin Haji Toriman**

Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia  
Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia

**23 JULAI 2024 | SELASA**

17 MUHARAM 1446H

**“MENJANA PENTAKSIRAN JITU”**



Majlis Peperiksaan Malaysia



majlispeperiksaan



MEC MPM



majlispeperiksaan



LIVE



EDUWEBTV

Kementerian Pendidikan Malaysia

KEMENTERIAN

PEP

PERIKSA

SIJIL

TINGGI

PERSEKO

LAHAN

MALAYSI

A

Y

2023



**PENGUMUMAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN  
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)  
TAHUN 2023**

oleh

**YBHG. PROF. DATO' GS. TS. DR. MOHD EKHWAN  
BIN HAJI TORIMAN**

**PENGERUSI MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA (MPM)  
yang juga  
NAIB CANSELOR UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)**

Assalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

**Bilangan Calon**

1. Sukacita saya, sebagai Pengurus Majlis Peperiksaan Malaysia memaklumkan bahawa bilangan calon yang mendaftar untuk menduduki peperiksaan **STPM 2023** adalah sebanyak **42,908** calon berbanding **43,687** calon yang mendaftar **STPM 2022**.
2. Daripada 42,908 calon yang mendaftar, sebanyak **96.83 peratus** atau **41,548** calon telah hadir untuk menduduki peperiksaan pada ketiga-tiga semester **STPM 2023**.
3. Daripada 41,548 calon yang hadir, sebanyak **75.98 peratus** atau **31,569** adalah calon kategori B40. Bermakna sebanyak **24.02%** atau **9,979** calon adalah **bukan** dalam kalangan kategori B40.

## **Bilangan Calon Mengikut Aliran**

4. Dari segi **kehadiran** mengikut **aliran**, bilangan calon aliran **Sains Sosial** yang hadir adalah sebanyak **38,626** calon atau **92.97 peratus**, manakala bilangan calon aliran **Sains** yang hadir adalah sebanyak **2,922** calon atau **7.03 peratus**.
5. Mata pelajaran **Pengajian Am** adalah mata pelajaran wajib dan mempunyai bilangan calon **mendaftar** yang **tertinggi**, iaitu sebanyak **42,823** calon di mana **85** calon tidak mendaftar mata pelajaran Pengajian Am.

## **PENCAPAIAN KESELURUHAN CALON**

6. Sukacita dimaklumkan bahawa **PNGK Nasional STPM 2023** telah **meningkat sebanyak 0.02 mata** berbanding tahun lepas, iaitu dari 2.82 pada tahun 2022 kepada 2.84 pada tahun 2023. PNGK Nasional pada tahun ini juga merupakan **PNGK Nasional tertinggi** sejak dilaksanakan peperiksaan STPM.
7. Sebanyak **1,116** calon atau **2.70** peratus calon telah mendapat **PNGK 4.00**. Bilangan calon yang mendapatkan PNGK 4.00 ini telah menurun sebanyak **68** calon, iaitu daripada **1,184** calon pada tahun **2022** kepada **1,116** calon pada tahun **2023**. Daripada **1,116** calon ini, **803** calon atau **71.95** peratus adalah dari kategori **B40**.
8. Dari segi pencapaian PNGK calon, secara keseluruhannya didapati **bilangan calon** dan **peratusan longgokan** calon **STPM 2023** pada **PNGK 3.75** dan ke atas ialah **4,153** calon atau **10.00 peratus**, **PNGK 3.00** dan ke atas ialah **18,621** calon atau **44.82**

peratus, **PNGK 2.75** dan ke atas ialah **24,428** calon atau **58.79** peratus, dan **PNGK 2.00** dan ke atas ialah **37,428** calon atau 90.08 peratus adalah **meningkat** berbanding tahun 2022.

9. Dengan peningkatan bilangan calon pada PNGK yang telah disebut ini, maka boleh dijadikan jangkaan, Insya-Allah, seperti tahun-tahun lepas, **TIADA HALANGAN** lebih ramai calon lepasan STPM 2023 diterima masuk ke Universiti Awam pada tahun ini berbanding lepasan STPM tahun 2022.
10. Untuk makluman, syarat am bagi permohonan kemasukan ke Universiti Awam/Institusi Pengajian Tinggi Awam yang dikeluarkan oleh Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (BKPA), Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia bagi program pengajian lepasan STPM ialah mendapat sekurang-kurangnya **PNGK 2.00** dengan **gred C** dalam tiga mata pelajaran termasuk Pengajian Am.

### **CALON YANG MENDAPAT 5A DAN 4A BAGI SETIAP MATA PELAJARAN**

11. Dalam peperiksaan STPM 2023, bilangan calon yang mendapat **5A dalam kelima-lima mata pelajaran yang diambil** telah BERTAMBAH daripada 38 calon dalam peperiksaan STPM 2022 kepada 41 calon dalam peperiksaan STPM **2023**. Daripada **41** calon yang mendapat **5A** ini, 29 daripadanya adalah calon kategori **B40**.
12. Walau bagaimanapun, bilangan calon yang mendapat **4A** dalam peperiksaan STPM 2023 telah MENURUN sedikit, iaitu daripada

**1,158** calon pada tahun 2022 kepada **1,087 calon**. Penurunan adalah sebanyak **71 calon** atau **6.13** peratus daripada tahun 2022. Daripada 1,087 calon ini juga, **782** daripadanya adalah calon kategori **B40**.

#### **PENCAPAIAN CALON MENGIKUT KELULUSAN LULUS PENUH (PERINGKAT PRINSIPAL)**

13. Dalam peperiksaan STPM, **Iulus penuh** adalah daripada **gred C ke gred A**, lulus sebahagian adalah antara **gred C-** **ke gred D**, dan gagal adalah pada **gred F**.
14. **Peratusan calon** STPM 2023 yang mendapat **Iulus penuh** dalam lima dan empat mata pelajaran berbanding STPM 2022 didapati telah **MENINGKAT** sedikit, iaitu sebanyak **0.84** peratus atau **236 calon**, iaitu daripada **75.01** peratus atau **31,280** calon pada tahun 2022 kepada **75.85** peratus atau **31,516 calon** pada tahun 2023.

#### **BILANGAN CALON LAYAK MENDAPAT SIJIL STPM 2023**

15. Bagi peperiksaan STPM 2023, daripada **41,548** calon yang hadir, sebanyak **99.93 peratus** atau **41,520 calon** layak dianugerahkan Sijil STPM 2023, manakala hanya **0.07 peratus** atau **28 calon** sahaja **tidak** layak mendapat sijil ini. Syarat layak untuk mendapatkan Sijil STPM ialah calon mesti memperoleh **Iulus sebahagian sekurang-kurangnya dalam satu mata pelajaran**.

## **PRESTASI MATA PELAJARAN**

16. Secara keseluruhannya, **kesemua 23 mata pelajaran** yang ditawarkan dalam peperiksaan STPM 2022 telah mencatatkan peratusan **lulus penuh melebihi 60 peratus**, iaitu gred C dan ke atas.
17. Dalam peperiksaan STPM 2023, **empat mata pelajaran** telah menunjukkan **peningkatan melebihi 3.00 peratus** dari segi prestasi Lulus Penuh berbanding dengan prestasi pada tahun 2022, iaitu mata pelajaran **Mathematics (M)**, **Bahasa Cina**, **Biology**, dan **Mathematics (T)**. Tiada mata pelajaran telah menunjukkan **penurunan** melebihi negatif 3.00 peratus dari segi prestasi Lulus Penuh berbanding dengan prestasi pada tahun 2022.
18. **19 mata pelajaran** STPM lain tidak berubah prestasinya kerana beza peratusan calon yang Lulus Penuh antara tahun 2023 dengan 2022 adalah kurang daripada 3.00 peratus.

## **PENETAPAN STANDARD**

19. Seperti yang tercatat di belakang Sijil STPM, standard STPM adalah setara dengan GCE A-Level kelolaan Cambridge Assessment International Education, UK. Bagi memastikan standard ini sentiasa terpelihara, Mesyuarat Jawatankuasa Pensijilan STPM yang dikendalikan oleh MPM sentiasa dipantau oleh Cambridge Assessment International Education, United Kingdom. Wakil dari Cambridge Assessment International

Education, United Kingdom akan sentiasa hadir pada setiap kali Mesyuarat Jawatankuasa Pensijilan STPM.

20. **Sukacita saya memaklumkan bahawa keputusan peperiksaan STPM 2023 akan dikeluarkan pada hari ini, Selasa, 23 Julai 2024.**
21. Calon Sekolah Kerajaan/Bantuan Kerajaan/swasta/persendirian individu boleh mendapatkan keputusan masing-masing melalui kaedah yang berikut:
  - (i) secara dalam talian di pautan <http://stpm.mpm.edu.my/stpmK> untuk mendapatkan slip keputusan peperiksaan STPM Tahun 2023 mulai jam **11:30 pagi pada 23 Julai 2024 (Selasa)**; dan/atau
  - (ii) secara **sistem pesanan ringkas (SMS)** untuk mendapatkan **ringkasan keputusan** peperiksaan STPM 2023 dengan menaip **STPM<jarak>No.K/P<jarak>Angka Giliran** dan hantar ke **15888**. Sistem ini akan diaktifkan mulai jam **11:00 pagi pada 23 Julai 2024 (Selasa)** sehingga jam **12:00 tengah hari pada 30 Julai 2024 (Selasa)**.

### **PELAJAR TERBAIK KEBANGSAAN STPM 2023**

22. Sukacita dimaklumkan bahawa dalam peperiksaan STPM 2023, Majlis Peperiksaan Malaysia telah memilih **17 pelajar STPM terbaik kebangsaan** mengikut kategori untuk diberikan anugerah berupa wang tunai bernilai RM1,000, plak, dan sijil dari MPM.

Kategori pelajar terbaik kebangsaan STPM 2023 tersebut adalah seperti berikut.

- A. Lima (5) pelajar terbaik kebangsaan STPM 2023 **(Aliran Sains)**
  - B. Lima (5) pelajar terbaik kebangsaan STPM 2023 **(Aliran Sains Sosial)**
  - C. Dua (2) orang pelajar terbaik kebangsaan kategori **Orang Asli STPM 2023**
  - D. Lima (5) Pelajar terbaik kebangsaan kategori Calon Berkeperluan Pendidikan Khas STPM 2023
    - (i) **Penglihatan Buta** (dua orang)
    - (ii) **Penglihatan Rabun** (seorang)
    - (iii) **Kurang Dengar/Pekak** (seorang)
    - (iv) **Spastik** (seorang)
23. MPM juga akan memberikan anugerah kepada **seorang** pelajar terbaik **Malaysian University English Test (MUET)** Tahun 2023.
24. Sebagaimana pada tahun 2022, pada tahun ini juga, **Persatuan Sejarah Malaysia** akan menyumbangkan **Anugerah Pelajar Terbaik Mata Pelajaran Sejarah** kepada **seorang** pelajar STPM 2023. Diharapkan inisiatif seperti ini akan turut diikuti oleh persatuan akademik yang lain bagi menarik minat calon untuk mengambil STPM.
25. Insya-Allah anugerah kepada pelajar terbaik kebangsaan ini akan disampaikan oleh **Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Puan Fadhlina binti Sidek.**

## PENUTUP

26. MPM mempunyai jalinan akrab dan akan meneruskan kolaborasi yang baik dengan Cambridge Assessment International Education, United Kingdom bagi memastikan sijil STPM sejak tahun 1982 diiktiraf setaraf dengan GCE Advanced Level yang dikelolakan oleh Cambridge Assessment International Education, United Kingdom dan STPM telah diiktiraf di seluruh dunia. Calon boleh menggunakan Sijil STPM untuk memohon ke universiti luar negara selain daripada universiti dalam negara.
27. Di samping itu, MPM akan terus memperkasakan jalinan hubungan dengan International Association for Educational Assessment (IAEA), USA, iaitu sebuah pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh badan pentaksiran pendidikan yang terkemuka di dunia dan diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam bidang pentaksiran selaras dengan keahlian MPM sebagai Ahli Tetap IAEA semenjak tahun 1984.
28. MPM juga akan memastikan peperiksaan STPM dan MUET dikelolakan mengikut standard piawaian seperti yang telah dianugerahkan kepada MPM dengan Sijil Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 (QMS01934) yang telah mendapat pengiktirafan antarabangsa.
29. Bagi memastikan STPM sentiasa relevan dengan perkembangan semasa bagi memenuhi keperluan negara dan diiktiraf di peringkat antarabangsa, MPM telah **memurnikan Sukatan Pelajaran Peperiksaan STPM** sedia ada. Fokus penyemakan merangkumi kerelevanan sukatan pelajaran peperiksaan dari aspek matlamat,

objektif (ilmu, kemahiran, dan nilai), tajuk yang perlu diajar/belajar, waktu pengajaran bagi setiap tajuk, hasil pembelajaran yang sepatutnya dicapai oleh calon, skim pentaksiran (format soalan dan wajaran) pada setiap semester. Sukatan Pelajaran ini akan digunakan **mulai peperiksaan Semester 1 STPM 2026 yang akan berlangsung pada tahun 2025.**

30. Insya-Allah, Sukatan Pelajaran Peperiksaan STPM yang dimurnikan ini akan dilancarkan pada **1 Ogos 2024**.
31. Pada kesempatan ini juga, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pelajar yang berjaya dalam peperiksaan **STPM 2023** dan **MUET 2023**.
32. Tidak lupa sekalung syabas kepada ibu bapa, penjaga, guru, dan kepada semua pelajar STPM 2023.
33. Bagi pelajar yang masih belum menunjukkan kejayaan memberangsangkan diharap tidak putus asa. Cuba lagi dalam peperiksaan STPM yang akan datang.
34. Kepada calon yang akan menduduki STPM 2024, diharapkan kejayaan calon STPM 2023 dapat dijadikan suntikan semangat dan motivasi.
35. Akhir kata, sebagai Pengerusi Majlis yang mewakili Ahli Majlis Peperiksaan Malaysia yang lain, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua, khususnya kepada;

- (a) YB Menteri Pendidikan, YB Fadhlina binti Sidek,
  - (b) Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia,
  - (c) Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia,
  - (d) Ahli-Ahli Majlis Peperiksaan Malaysia,
  - (e) Ketua Eksekutif MPM,
  - (f) Warga MPM,
  - (g) Cambridge Assessment International Education, UK,
  - (h) Bahagian-Bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia,  
Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah,
  - (i) Lembaga Peperiksaan,
  - (j) Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BKPA), Jabatan  
Pendidikan Tinggi,
  - (k) Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta,
  - (l) Pengetua, guru, wakil industri,
  - (m) ibu bapa, calon, masyarakat, dan
  - (n) tidak ketinggalan juga kepada **pihak media** yang telah memberikan sokongan yang padu dan terus menerus kepada Majlis Peperiksaan Malaysia dalam mengangkat martabat dan memperkasakan STPM sebagai produk Malaysia (Malaysia Brand) yang menjadi kebanggaan kita.
36. Dengan naiknya PNGK Nasional pada tahun ini dan dengan reputasi STPM yang diiktiraf di dalam negara dan diperingkat di antarabangsa dari segi **standard serta kualitinya**, saya menggalakkan lebih ramai murid lepasan SPM mengambil STPM kerana melalui STPM calon mempunyai pilihan untuk meneruskan pengajian di IPT dalam dan luar negara.

Akhir kata tahniah sekali lagi kepada penerima anugerah dan tahniah kepada MPM kerana telah berjaya mengelolakan peperiksaan STPM dengan jayanya sejak tahun 1982. Sekali lagi syabas MPM.

Sekian, terima kasih.

**YBHG. PROF. DATO' GS. TS. DR. MOHD EKHWAN**

**BIN HAJI TORIMAN**

Pengerusi Majlis

Majlis Peperiksaan Malaysia

yang juga

Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

**23 JULAI 2024**

**A. Lima (5) Pelajar Terbaik Kebangsaan STPM 2023 (Aliran Sains)**

Bil.	Nama	Sekolah	Mata Pelajaran yang Diambil	Gred	Bil. A (PNGK)
1	Roy Lim Chi Hong	SMJK Katholik, Petaling Jaya, Selangor	Pengajian Am	A	5A (4.00)
			Mathematics (T)	A	
			Physics	A	
			Chemistry	A	
			Biology	A	
2	Lai Xuan Hua	Kolej Tingkatan Enam Desa Mahkota, Kuala Lumpur	Pengajian Am	A	4A (4.00)
			Mathematics (T)	A	
			Physics	A	
			Chemistry	A	
3	Lau Zheng Hong	SMJK Yu Hua, Kajang, Selangor	Pengajian Am	A	4A (4.00)
			Mathematics (T)	A	
			Physics	A	
			Chemistry	A	
4	Yeoh Cheng Ti	SMK Keat Hwa 1 (CF), Alor Setar, Kedah	Pengajian Am	A	4A (4.00)
			Mathematics (T)	A	
			Physics	A	
			Chemistry	A	
5	Muhammad Hadiz bin Norazlin	SMK Tinggi Muar, Muar, Johor	Pengajian Am	A	4A (4.00)
			Mathematics (T)	A	
			Chemistry	A	
			Biology	A	

**B. Lima (5) Pelajar Terbaik Kebangsaan STPM 2023 (Aliran Sains Sosial)**

Bil.	Nama	Sekolah	Mata Pelajaran yang Diambil	Gred	Bil. A (PNGK)
1	Che Muhammad Hakimi bin Che Alias	SMKA Durian Guling, Marang, Terengganu	Pengajian Am	A	5A (4.00)
			Bahasa Melayu	A	
			Bahasa Arab	A	
			Syariah	A	
			Usuluddin	A	
2	Nur Irfah Farhah binti Muhamad Fauzan	SMK Cherang Ruku, Pasir Puteh, Kelantan	Pengajian Am	A	5A (4.00)
			Bahasa Melayu	A	
			Sejarah	A	
			Geografi	A	
			Pengajian Perniagaan	A	
3	Nurul Hanan Ayunie binti Che Azman	SMK Long Yunus, Bachok, Kelantan	Pengajian Am	A	5A (4.00)
			Bahasa Melayu	A	
			Kesusasteraan Melayu Komunikatif	A	
			Sejarah	A	
			Pengajian Perniagaan	A	
4	Nuruzma Nabihah binti Kamzuri	SMK Ayer Lanas, Jeli, Kelantan	Pengajian Am	A	5A (4.00)
			Bahasa Melayu	A	
			Sejarah	A	
			Geografi	A	
			Ekonomi	A	
5	Diana Shereen Ellysa binti Miswan	SMK Dato' Sulaiman, Batu Pahat, Johor	Pengajian Am	A	5A (4.00)
			Bahasa Melayu	A	
			Geografi	A	
			Pengajian Perniagaan	A	
			Seni Visual	A	

**C. Dua (2) Pelajar Terbaik STPM 2023 Kategori Orang Asli**

Bil.	Nama	Sekolah	Mata Pelajaran yang Diambil	Gred	Bil. A (PNGK)
1	Ananda Ishwary a/p Solaiah Achary	SMK Sultan Abdul Aziz, Teluk Intan, Perak	Pengajian Am	A	4A (4.00)
			Bahasa Melayu	A	
			Sejarah	A	
			Pengajian Perniagaan	A	
2	Jazlin a/p Jusoh	SMK Sulaiman, Bentong, Pahang	Pengajian Am	A	4A (4.00)
			Bahasa Melayu	A	
			Sejarah	A	
			Geografi	A	

**D. Pelajar Terbaik STPM 2023 Kategori Calon Berkeperluan Pendidikan Khas (Kurang Dengar/Pekak, Spastik, Buta, dan, Rabun)**

**i. Seorang Pelajar Terbaik Kategori Kurang Dengar/Pekak**

Bil.	Nama	Sekolah	Mata Pelajaran yang Diambil	Gred	Bil. A (PNGK)
1	Nurin Dayini binti Mazlan	SMK Nasiruddin Shah, Besut, Terengganu	Pengajian Am	A	4A (4.00)
			Bahasa Melayu	A	
			Kesusasteraan Melayu Komunikatif	A	
			Seni Visual	A	

**ii. Seorang Pelajar Terbaik Kategori Spastik**

Bil.	Nama	Sekolah	Mata Pelajaran yang Diambil	Gred	Bil. A (PNGK)
1	Muhammad Nazif Idham bin Ahmadie Abdullah	SMK Merapok, Lawas, Sarawak	Pengajian Am	A	4A (4.00)
			Bahasa Melayu	A	
			Kesusasteraan Melayu Komunikatif	A	
			Sejarah	A	

**iii. Dua (2) Pelajar Terbaik Kategori Buta**

Bil.	Nama	Sekolah	Mata Pelajaran yang Diambil	Gred	Bil. A (PNGK)
1	Tan Jun Sheng	Kolej Tingkatan Enam Haji Zainul Abidin, Georgetown, Pulau Pinang	Pengajian Am	A	4A (4.00)
			Bahasa Melayu	A	
			Kesusasteraan Melayu Komunikatif	A	
			Sejarah	A	
2	Muhamad Rafiuddin bin Mohamad Hisham	St. John's Institution, Kuala Lumpur	Pengajian Am	A	4A (4.00)
			Bahasa Melayu	A	
			Kesusasteraan Melayu Komunikatif	A	
			Sejarah	A	

**iv. Seorang Pelajar Terbaik Kategori Rabun**


Bil.	Nama	Sekolah	Mata Pelajaran yang Diambil	Gred	Bil. A (PNGK)
1	Wong Young Zhi	SMK (L) Methodist, Kuala Lumpur	Pengajian Am	A	4A (4.00)
			Mathematics (T)	A	
			Physics	A	
			Chemistry	A	

**Pelajar Terbaik MUET 2023**

Nama	Sekolah/Institusi	Jenis Calon	Band (Skor)
Tay Theng Zhe	SMK Tuanku Muhammad, Kuala Pilah	Calon Sekolah Kerajaan	5+ (335)

**Pelajar Terbaik Mata Pelajaran Sejarah**

Bil.	Nama	Sekolah	Mata Pelajaran yang Diambil	Gred	Bil. A (PNGK)
1	Paarmitha a/p Panickiraji	SMK Pasir Gudang 2, Pasir Gudang, Johor	Pengajian Am	A	4.00
			Sejarah	A	
			Ekonomi	A	
			Pengajian Perniagaan	A	



Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Ia ditubuhkan di bawah Akta Parlimen, Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 [Akta 225].

MPM merupakan sebuah badan pentaksiran yang diiktiraf di Malaysia untuk mengelolakan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), ujian Malaysian University English Test (MUET) mengikut sesi dan mengikut kaedah MUET on Demand (MoD), dan Ujian Sijil Kecekapan Bahasa Melayu bagi Warganegara Asing (SKBMW). Sijil STPM telah diiktiraf pada peringkat antarabangsa, dan MPM telah berkolaborasi dengan Cambridge Assessment, United Kingdom sejak tahun 1980. Di samping itu, MUET telah disejajarkan dengan The Common European Framework of Reference for Language (CEFR) dan diiktiraf serta diterima oleh beberapa universiti terkemuka di luar negara.



Persiaran 1, Bandar Baru Selayang  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan



+603-6126 1600



+603-6136 1488



ceo@mpm.edu.my



[www.mpm.edu.my](http://www.mpm.edu.my)

